



Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Melaka) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi jawatan berikut:-

PENOLONG JURUTERA GRED JA5

1. **Kumpulan Perkhidmatan :** Pelaksana
2. **Taraf Jawatan :** Kontrak
3. **Jumlah Kekosongan :** 1
4. **Jadual Gaji**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,650.00	RM6,620.00	RM145.00

5. **Imbuhan Tetap /Bantuan:**

- a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) : RM160.00
- b) Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) : RM 300.00
- c) Bantuan Sara Hidup (BSH) : RM 300.00

6. **Syarat Lantikan**

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat

Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- ii) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
- iii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

7. Syarat Peningkatan Secara Lantikan:

- i) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan
 - a) mempunyai kelayakan di perenggan 6

8. Deskripsi Tugas:

- i) Bertanggungjawab membantu pelaksanaan kerja teknikal dan penyenggaraan projek kejuruteraan termasuk pemeriksaan tapak, pemantauan kerja serta memastikan semua kerja mengikut pelan dan spesifikasi yang ditetapkan.
- ii) Menyediakan laporan teknikal, lukisan asas, rekod kerja serta membantu penyediaan dokumen projek seperti spesifikasi, anggaran kos dan jadual kerja.
- iii) Menyelaras dengan kontraktor atau pasukan kerja di lapangan, memastikan pematuhan aspek keselamatan serta melaksanakan arahan pegawai atasan dari semasa ke semasa.

9. Calon mestilah mempunyai perwatakan yang menarik, mempunyai daya kesabaran yang tinggi.

10. Tarikh Iklan dikeluarkan : **29hb April 2026 (Rabu)**
Tarikh Tutup Permohonan : **07hb Mei 2026 (Khamis)**

11. **Peraturan Memohon**

- a) Borang permohonan jawatan boleh didapati di Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Dataran Pengkalan Rama, Pengkalan Rama Pantai, 75100 Melaka pada waktu pejabat dari jam 08.30 pagi hingga 05.00 petang.
- b) Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web di alamat www.ppspm.gov.my
- c) Borang yang telah siap diisi hendaklah dihantar kepada

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA,
DATARAN PENGKALAN RAMA,
PENGKALAN RAMA PANTAI
75100 MELAKA
(Permohonan Jawatan)**

12. **Peraturan-Peraturan Lain**

- a) Permohonan dianggap tidak berjaya jika tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan
- b) Permohonan hendaklah dimajukan kepada Ketua Jabatan masing-masing jika pemohon sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan.
- c) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan ditolak

